

07/04/1998

Petronas wujudkan Petrosains

Rudy Sham Ab Raof

SYARIKAT minyak terbesar di Malaysia, Petronas akan mewujudkan sebuah pusat sains di negara ini sebagai usaha mempertingkatkan pemahaman masyarakat, terutama pelajar mengenai kepentingan sains dan teknologi.

Pusat yang dikenali sebagai Petrosains akan dibuka pertengahan tahun ini dan dijangka menjadi tempat utama dalam memantapkan lagi penggunaan sains di kalangan pelajar.

Eksekutif Komunikasi Perhubungan Awam Petronas, Rashidah Ali, berkata Petrosains terletak di Menara Kembar Petronas dan merupakan sebuah pusat penemuan sains yang mempunyai keluasan sehingga 100,000 kaki persegi.

"Petrosains juga akan dikenali sebagai Pusat Penemuan Interaktif bertaraf dunia yang memaparkan kisah sains dan teknologi dalam industri petroleum melalui cara paling menarik serta menyeronokkan.

"Pusat itu juga berkonsepkan hiburan dan pembelajaran untuk memastikan pelajar seronok mempelajari bidang sains secara lebih mendalam," katanya dalam satu kenyataan.

Petrosains direka untuk menghibur dan mendedahkan orang ramai dari semua peringkat umur mengenai keajaiban sains yang dipersembahkan melalui kisah minyak serta gas.

Pusat itu juga menyediakan 150 pameran dan bahan pameran interaktif yang meneroka serta menerangkan sejarah petroleum dan bagaimana keadaan dunia tanpa bahan mentah itu.

Menerusi pusat itu, pelajar juga akan dapat mengetahui pembentukan petroleum berjuta-juta tahun lalu dan cara penerokaannya, pengeluaran dan penapisan minyak dijalankan.

Rashidah berkata, pusat itu juga menyediakan ruang teater dramatik, demonstrasi secara langsung dan pameran saintifik bagi menghiburkan orang ramai.

Beliau berkata, kewujudan pusat itu juga adalah satu usaha merealisasikan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu menjadikan Malaysia sebuah negara berteknologi tinggi.

"Bagi mencapai Wawasan 2020, Malaysia perlu mempertingkatkan kemudahan untuk memastikan lebih ramai pelajar mempertingkatkan ilmu mereka dalam bidang sains," katanya.

(END)